

**“SUDAH TIDAK TERSUDU OLEH ANGSA, BARU DIBERIKAN KEPADA ITIK”:
PERSPEKTIF SEMANTIK INKUISITIF DAN AKAL BUDI MELAYU**

“SUDAH TIDAK TERSUDU OLEH ANGSA, BARU DIBERIKAN KEPADA ITIK”:
INQUISITIVE SEMANTICS AND MALAY MINDS PERSPECTIVE

Muhammad Zaid Daud

Mary Fatimah Subet

Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS),
Jalan Datuk Mohammad Musa,
94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

Email: zaid_daud93@yahoo.com
sufatimah@unimas.my

Abstrak

Peribahasa Melayu “Sudah tidak tersudu oleh angsa, baru diberikan kepada itik” telah membawa maksud – “Barang yang tidak berguna kepada orang kaya (besar), barulah diberikan kepada orang miskin (hina dan sebagainya)”. Data ini telah dikutip melalui Kamus Peribahasa Istimewa Peribahasa Melayu oleh Abdullah Hussain (2016) berdasarkan pensampelan bertujuan. Walau bagaimanapun, pemberian makna peribahasa ini adalah tidak memadai, untuk difahami sepenuhnya. Hal ini dikatakan demikian kerana, timbulnya persoalan kenapakah masyarakat Melayu pada zaman dahulu menggunakan imej perlambangan haiwan bagi merujuk perbuatan manusia. Pemberian makna dan perkaitan imej perlambangan haiwan dalam peribahasa tersebut, telah memperlihatkan bahawasanya masyarakat pada zaman dahulu tinggi keintelektualannya. Hal ini disebabkan oleh, mereka berjaya mengasimilasikan imej haiwan seperti angsa atau nama saintifiknya *Anser cygnoides* serta itik atau nama saintifiknya *Anas platyrhynchos* dengan sikap atau kelakuan manusia, secara implisit. Oleh itu, bagi menjawab persoalan tersebut pendekatan semantik inkuisitif oleh Nor

Hashimah Jalaluddin (2014) mampu diaplikasikan dengan mengambil kira data autentik, semantik dan konteks, kognitif penutur, budaya dan akhirnya dikaitkan dengan akal budi penuturnya. Pengaplikasian Rangka Rujuk Silang (RRS) juga digunakan bagi mendapatkan anteseden tambahan melalui data korpus yang dirujuk melalui Pangkalan Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan *Malay Concordance Project (MCP)*. Penggunaan data korpus ini, merupakan contoh penggunaan atau contoh sebenar penggunaan bahasa yang telah diguna pakai oleh manusia sehari-hari. Oleh itu, berdasarkan rujukan semua ini mampu menghuraikan konteks sebenar peribahasa tersebut sehinggalah ke akal budi penuturnya.

Kata Kunci: Peribahasa Melayu, Imej Haiwan, Semantik Inkuisitif, Akal Budi Melayu

Abstract

Malay proverb "Sudah tidak tersudu oleh angsa, baru diberikan kepada itik" means "Things that are useless to rich people which are then given to the poor" have been obtained from Kamus Peribahasa Istimewa Peribahasa Melayu by Abdullah Hussain (2016) based on purposive sampling. However, the study of the meaning of the proverb is inadequate to be fully understood why the Malay community in ancient times used the symbol of animals to refer to human deeds. The meaning of proverbs has shown that Malay society in the past was wide for successfully associating animal images like swan or scientific name is *Anserini* and duck or scientific name is *Anas platyrhynchos* with human behaviour implicitly. Therefore, in response to the question, the Inquisitive Semantics approach by Nor Hashimah Jalaluddin (2014) is able to be applied by taking into authentic data, semantic and contextual data, cognitive speaking, and culture as well as ultimately attributed to the speaker's mind. The application of Bridging Cross Reference (BCR) is also used to provide additional